


Menelusuri Pencapaian 2022 dan Menghadapi Cabaran 2023



Kota Samarahan: Memasuki tahun baharu 2023, dengan rekod pencapaian UNIMAS sepanjang 2022 sudah tentu menjadi cabaran besar dan memerlukan komitmen tinggi di kalangan warga kampus untuk meneruskan usaha agar pencapaian lebih cemerlang dapat diperolehi.

Mengimbau kembali, jelas

kedudukan UNIMAS memberi gambaran petunjuk kukuh, kekuatan dan keberadaan UNIMAS di peringkat global.

UNIMAS masih kekal berada di kedudukan 1201+ dunia dalam penarafan THE World University Rankings. UNIMAS turut masih tersenarai dalam beberapa kedudukan THE World University Rankings by

Subject. Dalam penarafan QS World University Rankings pula, UNIMAS masih kekal berada di 1001-1200 dunia.

Sudah tentu pencapaian ini adalah hasil sumbangan, kerjasama kukuh semua bahagian, fakulti, pusat dan institut serta seluruh warga UNIMAS. Semoga terus **TEGUH BERSAMA!**

Lawatan Kerja ke Pusat Strategi UKM

Bangi: SQRC telah berpeluang mengadakan lawatan kerja ke Pusat Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 22 Disember 2022. Lawatan ini telah diketuai oleh Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron dan disertai Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Lee Nung Kion.

Pusat Strategi UKM menjadi wadah pemikir kepada pembangunan pelan strategik Universiti, menyediakan laporan prestasi pelan strategik, merancang dan merangka pelan tindakan untuk meningkatkan penarafan Universiti selain membuat jaringan strategik dengan badan penarafan serta pihak berkepentingan.

Dalam hal pengurusan data strategik, Pusat Strategi UKM merancang, merangka dan mengurus sistem pengurusan data strategik serta menganalisis dan membuat simulasi terhadap data-data strategik Universiti.

Hadir bersama-sama menyambut dan menyampaikan taklimat kepada rombongan SQRC ialah Pengarah Eksekutif, Pusat Strategi UKM Prof Dr Roslee Rajikan serta Timbalan-timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Chua Kien Hui dan Prof Madya Dr Siti Fairus Mohd Yusoff.



Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron berkata lawatan kerja ini telah membuka peluang kedua-dua pihak mengetahui dengan lebih lanjut dan bertukar-tukar pendapat berhubung strategi penarafan dan pengurusan data strategik Universiti.

Webinar ISMS: Know Your Roles

Kota Samarahan: Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (JK ISMS) UNIMAS telah menganjurkan siri webinar bertajuk *ISMS: Know Your Roles*. Webinar tersebut telah dijalankan pada 22 Disember 2022 sebagai salah satu kempen kesedaran berkaitan ISMS kepada warga Universiti.

Selain itu, webinar ini juga bertujuan untuk menyampaikan maklumat berhubung kepentingan ISMS di UNIMAS serta menyediakan platform perkongsian pengalaman para ahli panel dan perbincangan di kalangan warga Universiti.

Antara ahli panel yang terlibat bagi berkongsi pengalaman adalah Pengarah CITDS, Ts Laila Abang Ahmad, Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengajian Pra-Siswazah, Pn Saptuyah Mahmud dan Penolong Pengarah Kanan CITDS, En Adam Francis. Sementara Pn Flora Intai bertindak selaku moderator program.

WEBINAR ISMS: Know Your Roles

GUEST SPEAKERS

- TS LAILA ABANG AHMAD**
DIRECTOR, CITDS
- SAPTUYAH MAHMUD**
DEPUTY REGISTRAR, BPPS
- ADAM FRANCIS**
SENIOR ASSISTANT DIRECTOR, CITDS

Moderator

- FLORA INTAI**
DEPUTY DIRECTOR, CITDS

Save The Date

22 DECEMBER 2022 Zoom

2.30 PM - 4.30 PM

More Information
Dayang Zulliana 1101

Demo Sistem SPeed 2.0

Kota Samarahan: Sesi taklimat naik taraf *System for Performance Delivery and Monitoring (SPeed)* 2.0 telah diadakan pada 15 Disember 2022 bertempat di SQRC. Ia telah dikendalikan oleh Pn Hjh Majina Sulaiman, Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Aplikasi Strategik), Pusat Pembangunan dan Khidmat Teknologi Maklumat (CITDS).

SPeed merupakan satu sistem alternatif bagi memudahkan pengguna membuat pengemaskinian dan pemantauan data secara atas talian. Sistem ini merupakan satu platform yang lebih sistematik dan efisien yang dibangunkan oleh pihak CITDS dengan kerjasama SQRC.

Turut serta dalam taklimat ini ialah Pengarah (Aplikasi & Strategik) CITDS, Ts Latifah Loh Abdullah dan Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron serta staf SQRC yang terlibat.



Taklimat MyMoheS KPT

Putrajaya: Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengadakan taklimat bersama wakil Universiti Awam (UA) berhubung penghantaran data MyMoheS bagi *cut off date* 31 Disember 2022.

Taklimat oleh Seksyen Data pada 14 Disember 2022 itu telah dihadiri semua wakil UA. UNIMAS telah diwakili Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron, Penolong Pendaftar Kanan, Pn Dayang Mazina Awang Batu dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, En Mohd Hairulnizam Mohd Zamri. Proses penghantaran data akan mula dilaksanakan dalam sistem MyMoheS mulai 3 hingga 26 Januari 2023.

Lanjutan dari sesi berkenaan, SQRC turut mengadakan taklimat penyelarasan secara atas talian bersama semua pemunya data dan pembangun sistem bagi Modul Staf, Pelajar, R&D&C dan Maklumat Institusi pada 30 Disember 2022.





PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH:
PROF DR TARMIJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH:
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN:
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN:
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN:
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT:
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN:
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR:
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI:
ROZAIMI ANIS


Kalendar Aktiviti

Disember 2022

BIL	PERKARA	TARIKH
1	THE Awards Asia 2023 (<i>Submission summary</i>)	5/12/2022
2	Sesi Taklimat Penghantaran Data MyMoheS c.o.d 31.12.22 (KPT)	14/12/2022
3	Demo Sistem SPeeD 2.0	15/12/2022
4	Perbincangan THE Awards Asia dan Penghantaran Data Rankings 2023	19/12/2022
5	Webinar ISMS: Know Your Roles	22/12/2022
6	Perbincangan ANC 2023	27/12/2022
7	Taklimat Penyediaan dan Penghantaran Data MyMoheS (<i>System Owner & Dev</i>)	30/12/2022

Januari 2023

BIL	PERKARA	TARIKH
1	QS WUR 2024 (<i>Data collection portal</i>)	3/1-6/2/2023
2	Mesyuarat Penyelarasan Bersama Amanat Naib Canselor 2023	3/1/2023
3	Penyediaan dan Penghantaran Data MyMoheS	3-26/1/2023
4	Perbincangan Kod Rujukan Baharu MyMoheS (<i>Owner & Dev Modul Pelajar</i>)	5/1/2023
5	SQRC New Year's Lunch Date	6/1/2023
6	THE Awards Asia 2023 (<i>THE Hub deadline</i>)	8/1/2023
7	THE WUR 2024 (<i>Data collection portal</i>)	9/1-30/3/2023
8	Bengkel Amanat NC 2023	14-15/1/2023
9	Mesyuarat <i>Technical Working Group 4</i> (Sabah & Sarawak Dev.) RMK12 - KPT	16/1/2023
10	THE WUR 2024 Masterclass	16/1/2023
11	Perbincangan Laporan Pengurusan Risiko UNIMAS	17/1/2023
12	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB) Suku Keempat 2022	18/1/2023
13	Mesyuarat JKPR Bil.01/2023	19/1/2023



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

Universiti Malaysia Sarawak

Aras 3, Canselor

94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia